

09/02/1997

Semak sebab kambing jiran tak makan rumput

ALKISAHNYA, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat melenting apabila Dr Mahathir sebut Kelantan negeri paling banyak alami masalah sosial seperti HIV, Aids, dadah yang babitkan orang Islam.

Bagi Nik Aziz, masalah sosial yang tinggi di Kelantan adalah warisan kerajaan Barisan Nasional.

"Kami cuma memerintah enam tahun sedangkan BN selama 12 tahun, iaitu sejak 1978," katanya.

Nik Aziz juga dakwa gejala sosial di kalangan remaja di negeri itu disebabkan peranan media massa termasuk televisyen yang sering memaparkan pelbagai budaya negatif.

Menurut Nik Aziz, kerajaan negeri dah laksanakan pelbagai cara termasuk melarang pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan tapi usaha tu tak cukup kerana media massa terus papar pelbagai budaya negatif. Kerajaan Pusat pula biarkan Kelantan berusaha mengatasi masalah sosial yang kritikal itu secara bersendirian.

Nak tergelak teman dengan kerenah orang politik. Tak pernah nak salahkan diri sendiri. Mesti cari orang lain untuk dipersalahkan. Rumah sendiri semak-samun pun kata kambing jiran tak mahu makan rumput di halamannya.

Teman rasa tak payahlah nak salahkan kerajaan terdahulu atau media massa. Setiap orang adalah pewaris zaman sebelumnya, tidak kira baik atau buruk. Yang baik kita teruskan, yang buruk kita perbetulkan.

Begitu jugalah dengan masalah sosial. Kalau tidak betul kita perbetulkan. Bukan nak salahkan media massa atau kerajaan terdahulu. Kalau asyik cari salah orang, sampai bila pun tak selesai masalah.

(END)